

18 JAN 2001

Umno-Kabinet

PELANTIKAN MENTERI BARU MASUKKAN IDEA BARU PENTADBIRAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Pelantikan dua Menteri, dua Timbalan Menteri dan seorang Setiausaha Parlimen baru merupakan satu usaha menggilap dan memasukkan idea baru dalam beberapa bahagian pentadbiran kerajaan, kata Umno Online hari ini.

Dalam analisisnya mengenai pelantikan yang diumumkan semalam itu, Umno Online berkata penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita dan pelantikan Datuk Shahrizat Abdul Jalil sebagai menterinya merupakan langkah penting membantu wanita di negara ini.

"Ini selari dengan hasrat kerajaan untuk melihat pembabitan 30 peratus wanita dalam pembuat dasar negara pada masa akan datang.

"Ia juga merupakan penghargaan kepada wanita di Malaysia yang telah memberi sumbangan besar kepada negara selama ini," katanya.

Umno Online merupakan lidah rasmi laman internet Umno yang menyiarkan berita serta analisis untuk anggota parti itu di seluruh negara.

Pelantikan Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri menggantikan Datuk Paduka Hamid Othman yang meletakkan jawatannya minggu lalu, pula dilihat sebagai kesinambungan kepimpinan dalam pentadbiran Islam di Malaysia.

"Ini penting kerana kerajaan pada masa ini sedang berusaha menyeragamkan pentadbiran Islam negeri-negeri," kata analisis itu.

Pelantikan Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pula dilihat sebagai pengiktirafan kepada kebolehan beliau yang banyak mengendalikan Umno pusat.

"Beliau berkemungkinan besar akan diberikan tugas khas bahagian hal ehwal wilayah persekutuan dan saraan," kata analisis itu sambil menyifatkannya sebagai satu lagi cara bagi Umno dan Barisan Nasional meneruskan khidmat kepada kawasan yang diwakili secara efektif.

Pelantikan Senator Datuk Zainuddin Maidin sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan pula dianggap sebagai satu suntikan baru memandangkan pengalamannya dalam bidang persuratkhabaran.

"Pelantikan bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan yang begitu kritis mengenai budaya asing dan kualiti rancangan televisyen semasa menjadi wartawan dijangka memberikan sumbangan besar kepada perkembangan dunia hiburan," kata analisis itu.

Di KUALA TERENGGANU, Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir berkata pelantikan kedua-dua menteri baru itu, terutama pelantikan Shahrizat, diharap dapat membantu kerajaan dalam membuat sebarang keputusan yang membabitkan golongan mereka.

"Semoga pelantikan Shahrizat dapat memenuhi cita-cita wanita yang selama ini memperjuangkan hak mereka dan menyertai perjuangan kerajaan membantu golongan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Exco Pemuda Umno Terengganu hari ini.

Beliau berkata Zainal Abidin pula diharap dapat menggunakan segala pengalamannya untuk memantapkan lagi institusi Islam di negara ini.

Bagi Kayveas, Abdul Aziz menyifatkan pelantikan beliau sebagai satu pengiktirafan kerajaan kepada peranan Parti Progresif Rakyat Malaysia (PPP) yang dipimpinya.

Di KUANTAN, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata pelantikan baru anggota pentadbiran yang diumumkan semalam itu akan menambahkan lagi kemantapan barisan kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata dengan adanya kementerian khas untuk menjaga kepentingan wanita, ia akan dapat membantu menyelesaikan banyak perkara yang melibatkan golongan itu.

"Wanita merupakan satu elemen masyarakat yang sangat penting, mereka juga sebagai ibu dan pendidik, wajar benar wanita diberikan perhatian melalui kementerian khas untuk mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Musyawarah K-Ekonomi Negeri Pahang hari ini.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata pengwujudan kementerian baru, Kemeterian Hal Ehwal Wanita, merupakan pengiktirafan kepada wanita yang turut memainkan peranan penting dalam membawa pembangunan negara.

"Kita tidak boleh ketepikan wanita kerana kebolehan wanita semakin terserlah," katanya kepada pemberita di sini.

Katanya pelantikan Shahrizat sebagai menteri berkenaan akan membolehkan wanita menggembleng tenaga dan mereka mempunyai tempat untuk berusaha menyelesaikan masalah berkaitan wanita.

Beliau berkata adalah tidak benar jika ada pihak yang mendakwa pengwujudan kementerian baru itu untuk menarik sokongan kepada Barisan Nasional.

Sementara itu di SHAH ALAM, Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohd Khir Toyo berharap Shahrizat akan berjaya dalam tanggungjawabnya untuk membawa kaum wanita ke mercu kejayaan yang lebih cemerlang lagi.

Mohd Khir berkata demikian selepas melancarkan kempen Keselamatan Jalan Raya dan Pencegahan Jenayah yang diadakan oleh polis Selangor sempena Tahun Baru Cina.

Kempen itu adalah anjuran bersama polis Selangor dan Kelab Lions.

Ketika ditanya sama ada Kerajaan Negeri juga akan peruntukan satu lagi jawatan kepada seorang lagi wanita sebagai Exco, Mohd Khir berkata itu tidak mungkin kerana peruntukan sekarang adalah untuk seorang sahaja.

Tetapi, katanya, Kerajaan Negeri bersedia memberi apa jua bantuan demi kejayaan wanita dalam semua bidang.

-- BERNAMA

KM PR